

Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Remaja di Sekolah Menengah: Suatu Cabaran

Hjh. Farizah Hanim Ismail

Bahagian Pembangunan Kurikulum , Kementerian Pelajaran Malaysia

Abstrak

Proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah kian mencabar kerana muridnya terdiri daripada golongan remaja yang dinamis dan progresif. Dengan perkembangan teknologi maya yang pantas, remaja semakin terdedah kepada pelbagai pengaruh positif, juga negatif. Untuk menangani hal ini, guru Bahasa Melayu harus mempersiapkan diri dengan pengetahuan, maklumat dan teknologi untuk berada seiring dengan pengetahuan muridnya serta menarik mereka agar seronok belajar Bahasa Melayu. Kertas ini menjelaskan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang hendak dicapai melalui kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah serta penerangan ringkas tentang pendekatan melaksanakan proses pengajaran dan pengajaran di dalam kelas. Banyak cabaran yang perlu dihadapi oleh guru Bahasa Melayu, khususnya di sekolah menengah tetapi kertas ini hanya memberikan tumpuan kepada lima cabaran sahaja. Antara cabarannya ialah mentafsir Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu, mengajar bahasa Melayu tinggi, melengkapkan murid dengan ilmu, cabaran loghat tempatan dan isu bahasa Melayu yang kurang bernilai komersil. Kertas ini juga mengemukakan beberapa strategi yang boleh diambil oleh guru untuk menangani cabaran ini.

Kata kunci: pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, Falsafah Pendidikan Kebangsaan, kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah, cabaran, strategi

Abstract

The teaching and learning of the Bahasa Melayu (Malay Language) in secondary schools have become increasingly challenging because students nowadays are dynamic and progressive. The rapid development of virtual technology has exposed students to both positive and negative influences. To address this, Bahasa Melayu teachers ought to equip themselves with more knowledge, information, and technology to be in line with their students' knowledge base. This would attract students to enjoy learning Bahasa Melayu. This paper elaborates the fulfillment of the aims and objectives of the National Education Philosophy via the secondary school Bahasa Melayu curriculum with a brief explanation on teaching and leaning approaches in the classroom. There are a lot of challenges faced by Bahasa Melayu teachers, especially in the secondary schools. This paper focusses on five of these challenges, namely interpreting the Bahasa Melayu syllabus and syllabus specification, the teaching of higher level Malay language, equipping students with knowledge, local dialect influences, and perception of the Bahasa Melayu as being of low-commercial value. This paper suggests various strategies that teachers could use to address these challenges.

Keywords: *teaching and learning of Malay Language, the National Education Philosophy, Malay Language secondary school curriculum, challenges, strategies*

Pengenalan

Melaksanakan kurikulum Bahasa Melayu merupakan cabaran bagi guru Bahasa Melayu, khususnya di sekolah menengah. Hal ini demikian kerana muridnya terdiri daripada golongan remaja iaitu peringkat umur yang rapuh, sensitif dan penuh dengan konflik. Dalam situasi seperti ini, remaja kerap dilihat sebagai golongan yang sentiasa menguji kesabaran, sukar dikawal,

kurang berdisiplin dan suka menarik perhatian orang lain. Adalah merupakan satu cabaran yang besar bagi guru untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang baik dan berkesan apabila berhadapan dengan situasi kelas besar iaitu lebih daripada 45 orang remaja dalam satu kelas. Dalam menghadapi remaja yang pelbagai karenah, latar belakang sosioekonomi yang berbeza serta minat dan keupayaan yang tidak sama, guru perlu professional dari segi interpersonal, mantap dari segi ilmu dan pengetahuan serta jelas tentang tanggung jawab mereka dalam menyampaikan hasrat yang terkandung dalam Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Bahasa Melayu. Senario hari ini memperlihatkan remaja banyak menggunakan bahasa slanga dan bahasa rojak dalam perbualan harian dan perkara ini turut mempengaruhi cara bual mereka di dalam kelas dan ada kalanya di dalam hasil penulisan. Remaja turut melihat bahasa Melayu kurang bernilai komersial berbanding mata pelajaran sains, matematik atau perakaunan. Oleh itu belajar bahasa Melayu tidak dianggap serius kerana ketidakpentingannya dalam alam kerjaya terutama dalam sektor swasta yang memberikan pulangan yang lumayan berbanding sektor kerajaan.

Beberapa strategi dan pendekatan dicadangkan untuk menangani cabaran ini. Guru sebagai agen perubahan mesti sentiasa bersedia untuk menganjak paradigma dalam menjalankan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di dalam kelas. Untuk menghadapi remaja sekolah, guru mesti berpengetahuan dalam ilmu bahasa Melayu, mahir dalam pedagogi Bahasa Melayu serta sama-sama berusaha dalam memartabatkan bahasa Melayu agar dipandang tinggi seperti bahasa-bahasa lain di dunia. Kurikulum Bahasa Melayu berhasrat untuk melahirkan remaja alaf baru yang berketampilan dalam berbahasa Melayu, faham akan budaya dan pemikiran Melayu serta bangga menggunakan bahasa Melayu yang juga merupakan bahasa kebangsaan negara ini.

Sebelum melihat cabaran yang perlu dihadapi oleh guru Bahasa Melayu dalam menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu, kertas ini akan memberikan penjelasan tentang kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah dan kumpulan sasarannya iaitu remaja.

Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Menengah

Bahagian Pembangunan Kurikulum (dahulunya dikenali sebagai Pusat Perkembangan Kurikulum), Kementerian Pelajaran Malaysia dipertanggungjawabkan menggubal kurikulum yang hendak diajar di sekolah kebangsaan termasuklah kurikulum Bahasa Melayu. Kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah sedia ada mengguna pakai Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) Semakan Tahun 2000. Dalam kurikulum ini, komponen sastera dalam Bahasa Melayu (KOMSAS) turut diperkenalkan.

Dalam aspek bahasa, pengajaran Bahasa Melayu sekolah menengah bertujuan untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi bagi keperluan diri dalam urusan harian, pendidikan dan pekerjaan. Selain itu, elemen yang diserapkan dalam kurikulum ialah ilmu daripada pelbagai disiplin, peraturan sosiobudaya dan kemahiran bernilai tambah (kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme dan pembelajaran kontekstual). Nilai murni, unsur patriotisme dan kewarganegaraan juga mesti diserapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (p&p). Semua elemen ini diajarkan dalam konteks bagi ketiga-tiga domain interpersonal, maklumat dan estetik. Rujuk Lampiran 1. Dua dokumen penting bagi kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah ialah:

i. Sukatan Pelajaran (SP) Bahasa Melayu

SP ialah dokumen yang menerangkan sukatan pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah yang perlu disampaikan oleh guru Bahasa Melayu kepada murid di sekolah dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Dokumen ini juga mengandungi matlamat, objektif, organisasi kandungan, hasil pembelajaran yang perlu dicapai, sistem bahasa, dan pengisian kurikulum.


ii. Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) Bahasa Melayu

HSP sekolah menengah terdiri daripada 5 dokumen sampingan iaitu HSP Tingkatan 1, HSP Tingkatan 2, HSP Tingkatan 3, HSP Tingkatan 4, dan HSP Tingkatan 5. Setiap HSP memberi tumpuan khusus kepada tiga domain utama dalam penguasaan berbahasa murid

iaitu Interpersonal, Maklumat dan Estetik. Terdapat tiga lajur dalam dokumen HSP iaitu Hasil Pembelajaran, Huraian Hasil Pembelajaran (dijelmakan dalam pernyataan berdasarkan aras kemahiran murid) dan Cadangan Aktiviti/Nota.

Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah

Proses p&p dalam KBSM mengemukakan lima pendekatan yang perlu dijalankan oleh guru semasa mengajar iaitu penggabungjalinan, penyerapan, penilaian, pengayaan dan pemulihan (5P). Rajah di bawah menjelaskan apa yang sepatutnya berlaku dalam sesebuah kelas semasa proses p&p serta keterangan ringkas maksud 5P berkenaan. Pendekatan 5P hendaklah dijalankan berasaskan pengajaran berbentuk aktiviti. Untuk melihat tahap pencapaian murid, guru perlu menjalankan penilaian secara formatif di dalam kelas. Berdasarkan penilaian ini, latihan pengayaan dan pemulihan kemudiannya dijalankan terhadap murid.



1. Pengabungjalinan

Pengabungjalinan memainkan peranan penting dalam proses p&p. Melalui proses ini, beberapa kemahiran dapat dikuasai serentak. Pengabungjalinan berlaku antara:

- sekurang-kurangnya dua daripada mana-mana domain interpersonal, maklumat dan estetik;
- sekurang-kurangnya dua daripada mana-mana kemahiran bahasa iaitu mendengar dan bertutur, membaca dan menulis;
- domain dan kemahiran bahasa dengan tatabahasa dan mana-mana sistem bahasa yang lain iaitu sistem ejaan, sebutan dan intonasi, kosa kata dan peribahasa.

2. Penyerapan

Penyerapan ialah proses menyerapkan pelbagai disiplin ilmu, kemahiran bernilai tambah, nilai murni, patriotisme dan kewarganegaraan. Semua elemen ini diserapkan secara terancang dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

3. Penilaian

Penilaian ialah sebahagian daripada proses p&p. Penilaian merupakan aktiviti untuk mendapatkan maklumat yang berguna bagi menentukan pencapaian sesuatu objektif pengajaran atau pembelajaran. Oleh itu, penilaian formatif yang berterusan perlu dijalankan. Melalui penilaian yang berterusan, tindakan susulan perlu diambil terhadap seseorang murid sama ada dalam bentuk aktiviti pengayaan atau pemulihan.

4. Pengayaan

Aktiviti pengayaan perlu diberikan penekanan kerana murid mempunyai tahap kebolehan, keupayaan, bakat, dan minat yang berbeza. Murid yang mampu menguasai standard pembelajaran lebih awal atau dalam jangka masa yang ditetapkan, diberikan aktiviti atau tugas yang lebih mencabar.

5. Pemulihan

Aktiviti pemulihan disediakan untuk membantu murid menguasai hasil pembelajaran yang belum dikuasai dalam tempoh yang ditetapkan. Aktiviti ini dilaksanakan mengikut kadar kemampuan murid.

Remaja Sekolah Menengah

Remaja merupakan kelompok yang belajar di sekolah menengah. Perkataan “remaja” berasal dari bahasa Latin iaitu *adolescere* yang bererti *to grow* atau *to grow maturity* (Golinko, 1984 dalam Rice, 1990). Banyak tokoh yang memberikan definisi tentang remaja, seperti DeBrun (dalam Rice, 1990) yang mendefinisikan remaja sebagai jangka masa pertumbuhan antara masa kanak-kanak dengan masa dewasa. Hurlock (1990) membahagikan masa remaja kepada masa awal remaja (13 hingga 16 atau 17 tahun) dan masa akhir remaja (16 atau 17 tahun hingga 18 tahun). Masa awal dan akhir remaja dibezakan oleh Hurlock kerana pada masa akhir remaja individu telah mencapai transisi perkembangan yang lebih mendekati masa dewasa. Papalia dan

Olds (2001) memberikan pengertian remaja (*adolescent*) secara implisit iaitu jangka masa remaja. Ada tiga aspek perkembangan yang dikemukakan Papalia dan Olds (2001), iaitu (i) perkembangan fizikal, (ii) perkembangan kognitif, dan (iii) perkembangan keperibadian dan sosial.

Secara amnya di Malaysia, murid sekolah menengah terdiri daripada remaja lelaki dan perempuan yang berumur 13 tahun (Tingkatan 1) dan 17 atau 18 tahun (Tingkatan 5). Bagi remaja yang berumur 18 tahun, mereka terdiri daripada murid dari Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) atau Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang mengikuti Kelas Peralihan apabila ke sekolah menengah kebangsaan. Dengan perkembangan fizikal, kognitif dan keperibadian serta sosial remaja, guru perlu berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam menjalankan proses p&p di dalam kelas. Latar belakang sosioekonomi murid serta pengaruh persekitaran di rumah, sekolah dan media dilihat telah melahirkan tiga kelompok remaja:

- i. remaja berjaya yang menggunakan perkembangan fizikal, akal budi, peribadi dan sosial untuk menuntut ilmu, kemahiran dan nilai semasa di sekolah;
- ii. remaja kecundang yang melepaskan peluang yang diberi kerana leka dengan keghairahan alam remaja dan terpengaruh dengan rakan sebaya serta media semasa di sekolah; dan
- iii. remaja kabur yang kadang-kadang berada dalam kelompok (i) dan kadang-kadang berada dalam kelompok (ii).

Umumnya tiga kelompok ini memberikan impak yang besar kepada guru semasa menjalankan proses p&p. Ketiga-tiga kelompok ini memberikan cabaran kepada guru dengan caranya yang tersendiri. Kelompok (i) mencabar guru dengan pengetahuan mereka yang luas serta sikap proaktif yang tidak terkejar oleh guru. Kelompok (ii) mencabar guru dari segi disiplin serta sikap “tidak sabar untuk menjadi dewasa”, manakala kelompok (iii) pula mencabar guru dari segi megekalkan mereka dalam sistem sekolah dengan sentiasa memerlukan motivasi dan sokongan guru. Dengan adanya tiga kelompok ini dalam sistem persekolahan, guru bukan sahaja mesti pakar dalam mengajar Bahasa Melayu tetapi mesti bijak menari bersama remaja dalam usaha menjadikan mereka remaja yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Cabaran Mengajar Bahasa Melayu di Sekolah Menengah

Dalam menghasilkan murid yang berketerampilan dalam berbahasa, guru Bahasa Melayu mestilah merupakan guru berposyen Bahasa Melayu dan sebaik-baiknya mengamalkan cara dan gaya hidup masyarakat Melayu dari segi pemikiran, budaya dan hati budi. Banyak cabaran yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu, namun kertas ini memberikan tumpuan kepada beberapa aspek sahaja iaitu:

Kesukaran Mentafsir Sukatan Pelajaran (SP) dan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) Bahasa Melayu Sekolah Menengah

Kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah berteraskan tiga domain untuk menghasilkan murid yang berketerampilan dan berbahasa dengan baik iaitu interpersonal, maklumat dan estetik. Pengabungjalinan antara mana-mana dua domain ini perlu juga menyerapkan kemahiran berfikir, kemahiran bernilai tambah, nilai dan kewarganegaraan. Selain daripada itu, guru juga mesti jelas tentang kemahiran bahasa yang hendak diajarkan (mendengar dan bertutur, membaca dan menulis) yang juga perlu digabungjalinkan. Dengan mengambil contoh HSP Bahasa Melayu Tingkatan 1: 1.6 Aras 1(viii), lihat hasil pembelajaran berikut:

Mengucapkan **terima kasih** dan **membalas terima kasih secara ikhlas** atas sesuatu pemberian yang berbentuk material dan bukan material.

HSP BM Tingkatan 1

Hasil pembelajaran di atas adalah mudah iaitu mengajar remaja aspek interpersonal yang tinggi iaitu kemahiran berkomunikasi. Apabila disebut ikhlas, tentunya pertuturan yang digunakan adalah mesra dan sopan, disertai dengan ekspresi wajah yang manis. Dalam penilaian sumatif, aspek ini diuji melalui Ujian Lisan Berasaskan Sekolah (ULBS) dan penulisan berbentuk keperihalatan atau dialog dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Namun, dalam kehidupan seharian, remaja nampaknya sangat sukar mengucapkan terima kasih atau membalas ucapan berkenaan, kecuali jika telah dibudayakan dalam keluarga. Guru mestilah jelas dan faham bahawa hasil pembelajaran yang hendak dicapai ialah mengucapkan

terima kasih dan membalas ucapan berkenaan dengan ikhlas. Sikap ini mesti menjadi amalan yang sekali gus menunjukkan nilai interpersonal yang tinggi dalam diri murid. Adalah menjadi satu cabaran bagi guru untuk mahir dalam membaca, mentafsir dan menjalankan aktiviti bagi mencapai hasil pembelajaran sebagaimana yang tercatat dalam SP dan HSP Bahasa Melayu. Di kebanyakan negeri Rancangan Tahunan Sekolah diselaraskan untuk semua sekolah kerana guru gagal mentafsir SP dan HSP dengan baik. Perlulah diingat bahawa setiap murid di dalam kelas mempunyai keupayaan yang berbeza. Oleh itu guru mesti merancang pengajaran mereka mengikut keupayaan murid.

Penggunaan Bahasa Melayu Pasar

Remaja hendaklah dibiasakan dengan bahasa Melayu tinggi, bukan bahasa pasar. Bahasa Melayu tinggi bermaksud bahasa Melayu baku (standard) yang menggunakan hukum tatabahasa yang betul. Kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah berhasrat untuk melahirkan murid yang menguasai kecekapan berbahasa dan berkomunikasi dengan menggunakan peraturan tatabahasa yang betul dan tepat, sekaligus merujuk kepada bahasa Melayu tinggi. Aspek tatabahasa merupakan satu cabang daripada sistem bahasa yang wajib diajar dalam setiap p&p Bahasa Melayu di sekolah. Tatabahasa hendaklah dijadikan dasar kecekapan berbahasa dan diajarkan secara terancang dalam konteks untuk ketepatan berbahasa. Dalam hal ini guru mesti mahir dalam morfologi dan sintaksis. Selain aspek tatabahasa, sistem ejaan, sebutan dan intonasi, kosa kata (kata umum dan istilah) dan peribahasa (simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan, perbilang dan kata hikmat) adalah sama penting (Rujuk Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Bahasa Melayu, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, Tahun 2000, m/s: 16-19). Penguasaan yang mantap dalam sistem bahasa Melayu ini dapat dilihat apabila murid itu berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Melayu yang betul, disulam dengan kesantunan berbahasanya. Dengan mengambil contoh HSP Bahasa Melayu Tingkatan 2: 9.1 Aras 1(i), lihat hasil pembelajaran berikut:

Memilih kata, frasa, rangkai kata, peribahasa dan pelbagai jenis ayat yang sesuai untuk menyampaikan maklumat.

HSP BM Tingkatan

Hasil pembelajaran di atas bertujuan untuk memahirkan murid menggunakan perkataan, frasa, rangkai kata, peribahasa dan pelbagai jenis ayat dalam menyampaikan maklumat. Guru hendaklah membimbing murid menggunakan kosa kata baru atau istilah, frasa menarik serta pelbagai jenis ayat yang mantap dan meyakinkan. Cabaran mengajar bahasa Melayu tinggi ialah sistem bahasa yang diajar di sekolah tidak menjadi amalan dan budaya berbahasa dalam kalangan remaja. Apa yang diajar di sekolah, jarang diaplikasikan dalam kehidupan seharian dan alam pekerjaan. Dalam komunikasi pula, bahasa Melayu tinggi ditenggelami bahasa pasar seperti bahasa *rock* ('lu', 'gua'), bahasa *sms* ('nih', 'ktowg') atau bahasa slanga ('balak', 'awek') yang digunakan sewenang-wenangnya. Cabarannya adalah bagaimana guru dapat mengajar remaja menggunakan bahasa Melayu tinggi dalam kehidupan seharian.

Melahirkan Remaja Berilmu

Proses p&p Bahasa Melayu di sekolah hendaklah melengkapkan murid dengan ilmu dan pengetahuan untuk membolehkan mereka bertutur dan menulis dengan baik dan berkesan. Hal ini tercatat dalam Pengisian Kurikulum (Rujuk Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Bahasa Melayu, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, Tahun 2000, m/s: 16). Dengan teknologi komunikasi maklumat, murid sebenarnya lebih ke depan dalam penerokaan pelbagai disiplin ilmu. Kesempatan ini hendaklah digunakan sebaik mungkin untuk membimbing murid mencari maklumat sebagaimana yang terkandung dalam domain Maklumat dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia. P&p bertema merupakan salah satu strategi yang sangat digalakkan untuk membimbing murid meneroka sesuatu bidang ilmu secara terancang dan mendalam. Ilmu yang perlu diteroka oleh murid bukan sekadar merentas kurikulum dalam mata pelajaran lain tetapi juga pelbagai disiplin ilmu, misalnya ilmu tentang buah epal dalam cerpen Manisnya Epal oleh Faizal Tehrani atau ilmu veterina dalam cerpen

Pertemuan oleh Faizati Mohd. Ali (KOMSAS edisi Tahun 2000). Hanya dengan pembacaan dan pengetahuan yang luas, murid dapat bertutur dan menulis dengan baik. Penerokaan yang mendalam melalui bahan bercetak atau laman sesawang secara tidak langsung dapat memupuk minat remaja ke arah sesuatu kerjaya. Konsep pembelajaran sepanjang hayat disemai di sini agar remaja sentiasa mencari ilmu melalui pendengaran, perbualan dan pembacaan. Cabarannya ialah guru mesti membawa remaja melangkaui 10 langkah lebih jauh daripada maklumat sedia ada agar sekolah menghasilkan produk remaja yang berilmu, berpengetahuan luas dan mampu berfikir secara kritis dan kreatif.

Penggunaan Loghat Tempatan

Malaysia merupakan negara yang unik yang terdiri daripada masyarakat majmuk yang hidup aman dan harmoni sejak negara mencapai kemerdekaan. Malaysia juga terdiri daripada 14 buah negeri dengan loghat tempatan masing-masing. Cabaran paling besar ialah kesukaran menggunakan bahasa Melayu tinggi dalam p&p bagi negeri yang mempunyai loghat yang dominan seperti Kelantan, Terengganu, Negeri Sembilan, Perak, Kedah, Pulau Pinang, Perlis, Sabah, Sarawak dan Labuan. Pemantauan di dalam kelas menunjukkan guru dan murid berkomunikasi dan menjalankan p&p menggunakan loghat tempatan. Hal ini tidak membantu remaja belajar bahasa dengan betul, sebaliknya merosakkan bahasa itu sendiri. Loghat tempatan merupakan satu budaya dan seharusnya berada dalam kedudukan tidak rasmi, bukannya dalam situasi rasmi semasa proses p&p. Lebih membimbangkan apabila bahasa Melayu turut diterjemahkan untuk membantu murid memahami kandungan pelajaran, sesuatu yang tidak seharusnya berlaku dalam negara yang bahasa Kebangsaannya ialah bahasa Melayu. Dalam kes-kes tertentu, pihak sekolah lebih cenderung meletakkan guru bukan opsyen Bahasa Melayu mengajar Bahasa Melayu asalkan guru itu boleh berkomunikasi dengan murid dalam loghat atau dialek tempatan untuk memudahkan pemahaman murid.

Untuk meletakkan bahasa Melayu di tempatnya, penutur bahasa Melayu hendaklah menuturkan bahasa itu dengan penuh hormat. Rapuhnya bahasa apabila penutur bahasa Melayu sangat mudah menuturkan bahasanya mengikut keselesaan pihak lawan. Misalnya orang Melayu bercakap telor Indonesia dengan orang Indonesia, orang Melayu bercakap telor Cina dengan orang Cina atau

orang Melayu bercakap telor Bangladesh apabila berbual dengan orang Bangladesh. Sesuatu yang menjadi gurauan apabila diamalkan, akan menjadi budaya. Bahasa Melayu kelihatan sangat lemah dan longgar meskipun mata pelajaran Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran teras di sekolah serta menjadi bahasa pengantar di sekolah kebangsaan. Cabarannya ialah ketekalan guru sendiri menggunakan bahasa Melayu tinggi semasa p&p dan semasa guru sendiri menghadiri sesi rasmi seperti mesyuarat dan kursus.

Bahasa Melayu Tidak Bernilai Komersil

Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran teras di sekolah, yang mesti dikuasai oleh semua penduduk negara ini. Bahasa Melayu mendapat status bahasa Kebangsaan, bahasa wajib lulus dan bahasa perpaduan. Warga yang dididik di sekolah kebangsaan mesti boleh berbual dan menulis dengan menggunakan bahasa Melayu yang betul hukum tatabahasa serta larasnya. Ketidakmampuan berbahasa dengan baik nampaknya tidak memberi nilai ekonomi kepada bahasa Melayu. Sebagai bahasa yang mudah dipelajari, difahami dan dikuasi, bahasa Melayu sudah boleh merentas dunia. Adalah menjadi cabaran bagi guru untuk melahirkan generasi muda yang kreatif menggunakan bahasa Melayu dalam pelbagai bidang apabila mereka memasuki alam pekerjaan. Kita selalu merungut bagaimana peluang tidak diberi kepada graduan yang berkelulusan bahasa dan sastera Melayu. Malah rata-rata yang terlibat dalam bidang bahasa dan sastera merupakan orang yang bukan berkelayakan dalam bidang berkenaan. Pendek kata orang intelek tidak bangga berbahasa Melayu kerana bahasa Melayu tiada nilai komersil. Mari kita tanya pula diri kita sendiri adakah kita benar-benar mahir berbahasa Melayu tinggi (atau sekadar bahasa Melayu basahan) sehingga kita berupaya menyakinkan orang lain untuk menerima kita dalam organisasi mereka? Apabila orang Melayu sendiri tidak yakin dengan kemampuan bahasa Melayu dalam dunia ekonomi, maka timbul persepsi bahawa penggunaan bahasa Melayu dalam bidang urus niaga adalah ketinggalan dan boleh merugikan perniagaan. Sebagai contoh, sebuah restoran terkenal di Kuala Lumpur, milik 100 peratus orang Melayu, menggaji 100 peratus pekerja Melayu, mempunyai pelanggan 99.9 peratus orang Melayu telah menulis nama restoran dan menu dalam Bahasa Inggeris. Di sinilah guru bahasa Melayu sebagai agen perubahan memainkan peranan yang sangat penting untuk mendidik remaja agar cinta dan bangga berbahasa Melayu.

Menangani Cabaran dalam Melaksanakan P&P Bahasa Melayu di Sekolah Menengah dari Perspektif Kurikulum Bahasa Melayu

Dalam menangani cabaran mengajar bahasa Melayu dalam kalangan remaja, guru hendaklah memahami sikap dan sejadi remaja itu sendiri. Beberapa strategi dan langkah boleh diambil seperti berikut:

Memahami Sukatan Pelajaran (SP) dan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) Bahasa Melayu Sekolah Menengah

Dua dokumen rasmi ini mesti difahami oleh guru dengan jelas. Hasrat kurikulum ialah melahirkan murid yang berketerampilan dalam berbahasa dan berkomunikasi bagi keperluan diri dalam urusan harian, pendidikan dan pekerjaan. Selain perlu menunjukkan kecemerlangan dalam pelajaran melalui pentaksiran, murid juga mesti lahir sebagai golongan yang boleh berbahasa dengan baik. Guru dengan itu mesti menjalankan apa yang disarankan dalam dokumen SP dan HSP dalam bentuk aktiviti yang menyeronokkan, bukan sekadar menjawab soalan pemahaman dan menjalankan latih tubi mengikut format peperiksaan. Bahagian Catatan/Nota dalam dokumen HSP mencadangkan aktiviti yang boleh dijalankan oleh guru. Aktiviti ini boleh dipelbagaikan mengikut tahap dan kemampuan murid. Remaja biasanya bersifat aktif dan sukakan aktiviti yang mencabar serta berbentuk *hands-on* dan penerokaan. P&p seperti ini jika diserapkan dengan teori konstruktivisme akan lebih menyeronokkan.

Menggunakan Bahasa Melayu Tinggi

Menggunakan Bahasa Melayu baku (standard) tidak sukar dilakukan sekiranya telah menjadi amalan. Dengan memegang slogan Kepimpinan Melalui Teladan, guru harus mengelak daripada menggunakan bahasa pasar, loghat tempatan dan bahasa rojak di dalam kelas. Guru mesti sentiasa menegur dan mengingatkan murid setiap kali berhadapan dengan remaja yang menggunakan bahasa seperti ini. Galakkan murid menjalankan latihan seperti mengolah loghat tempatan kepada bahasa Melayu tinggi. Selain itu, aktiviti seperti membawa semua kesalahan

tatabahasa yang didengar dan dilihat, bahasa internet dalam ruang sembang atau bahasa sms di dalam telefon bimbit ke dalam kelas untuk dibincangkan, merupakan sesuatu yang disukai remaja. Guru dan murid mesti sama-sama menuju ke arah matlamat yang sama iaitu belajar dan mengamalkan penggunaan bahasa yang betul.

Melengkapkan Remaja dengan Ilmu

Remaja sukakan sesuatu yang baru dan mencabar. Sekolah bukan sahaja tempat untuk murid belajar mata pelajaran tertentu tetapi juga merupakan institusi untuk menimba pelbagai disiplin ilmu. Oleh yang demikian, tema-tema yang dicadangkan dalam p&p Bahasa Malaysia sekiranya diteroka dengan lebih mendalam, akan membekalkan remaja dengan ilmu dan pengalaman baru. Teori konstruktivisme dan Teknologi Komunikasi Maklumat misalnya meletakkan murid dengan penglibatan secara aktif dan pemahaman sesuatu konsep dengan lebih terperinci, bukan sekadar apa yang diajar oleh guru di dalam kelas. Remaja harus disedarkan bahawa sekolah bukan tempat penyimpanan maklumat tetapi merupakan tempat untuk menimba pengetahuan peribadi yang berguna untuk hari ini dan esok serta dimanfaatkan dalam kehidupan seharian. Kesannya apabila remaja meninggalkan sekolah, setiap mereka membawa pengetahuan peribadi yang tersendiri. Sebagai fasilitator, guru perlu membimbing murid menggunakan semua elemen yang ada di sekolah untuk melahirkan remaja yang berilmu pengetahuan dan menjadi aset negara yang berharga.

P&P Bahasa Melayu yang menyeronokkan

Persepsi bahawa mengajar dan belajar Bahasa Melayu sangat membosankan hendaklah diubah. Menyediakan suasana pembelajaran yang menyeronokkan di dalam atau di luar bilik darjah memerlukan kreativiti guru dan perancangan yang teliti. Pembelajaran yang menyeronokkan membawa maksud rasa suka untuk belajar, murid berpeluang melibatkan diri secara aktif dan sentiasa menunggu masa untuk belajar bahasa. Dengan tema yang luas, kepelbagaian aktiviti boleh menarik minat murid. Penguasaan kemahiran berbahasa perlu direalisasikan dalam bentuk penghasilan dan persembahan. Galakkan murid menulis surat sebenar (bukan rekaan), menulis jurnal atau mengasikkan blog dalam internet. Bilik sembang atau *facebook* wajar dimanfaatkan

untuk murid bertukar idea, karya dan pandangan dengan menggunakan bahasa Melayu tinggi. Galakkan murid membina jaringan sebagai tempat berkongsi bahasa dan kesusasteraan. Pembelajaran yang menyeronokkan juga boleh dilakukan tanpa kos atau kemudahan internet tetapi hanya memanfaatkan kemudahan sedia ada. Misalnya menggunakan bahan terbuang atau melalui penglibatan komuniti setempat. Program seperti 'Desaku di Hati' boleh dilaksanakan di sekolah luar bandar. Misalnya, merakam perbualan penduduk kampung, menulisnya dalam bentuk *verbatim* dan kemudian mengolah bahan tersebut ke dalam bahasa Melayu tinggi. Perstuan Bahasa Melayu turut memainkan peranan penting sebagai persatuan yang mengendalikan pelbagai aktiviti kokurikulum untuk membantu memantapkan kurikulum Bahasa Melayu. Ahlinya mesti terdiri daripada remaja yang berwibawa, berpersonaliti hebat dan berketerampilan dalam berbahasa, sekaligus memartabatkan persatuan itu sendiri.

Mengkomersilkan Bahasa Melayu

Remaja di sekolah harus dididik agar mencintai dan bangga menggunakan bahasa Melayu. Orang bukan Melayu menganggap bahawa untuk maju dalam perniagaan yang pelanggannya terdiri daripada orang Melayu hendaklah menggunakan bahasa Melayu pada jenama barang dan pengiklanan. Walau bagaimanapun penutur jati bahasa Melayu pula berfikiran sebaliknya. Sikap menganggap bahasa Melayu tidak bernilai komersial sebenarnya ada dalam benak orang Melayu sendiri terutama dalam kalangan masyarakat elit yang berpendidikan barat. Bahasa bukan penentu kejayaan atau kegagalan sesebuah perniagaan tetapi pengurusan yang baik dan strategi yang betul adalah faktor utamanya. Hari ini penggunaan bahasa Melayu dalam pelbagai bidang perniagaan turut menampakkan kejayaan sedikit demi sedikit. Selain itu, peluang terbuka luas dalam bidang penerbitan atau pengiklanan, misalnya masih terlalu sedikit buku-buku berbahasa Melayu diterbitkan terutama yang melibatkan cerita kanak-kanak. Remaja mesti merebut peluang yang ada di depan mata ini. Khidmat penterjemahan atau editor juga sangat diperlukan, begitu juga dalam bidang penyairan atau pengkaryaan. Guru perlu membimbing murid menyemai dan menanam sikap sayang serta hormat kepada bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa perpaduan dan bahasa ilmu. Sekiranya bahasa Melayu digunakan secara meluas serta disayangi dan dipelihara kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan, maka secara otomatis, bahasa Melayu telah diberi nilai komersial.

Bahasa Malaysia dan 1Malaysia

Sebagai bahasa kebangsaan, bahasa perpaduan dan bahasa komunikasi di negara ini, bahasa Melayu difahami dan dituturkan oleh majority penduduk Negara ini. Sekiranya guru bahasa Melayu berjaya memartabatkan bahasa ini di sekolah dengan meletakkannya sebagai bahasa yang dihormati dan didaulatkan, bahasa Melayu akan turut menjadi bahasa 1Malaysia dengan jayanya.

Guru mesti gigih membetulkan yang salah sama ada di sekolah atau dalam apa sahaja yang dilihat, didengar dan dibaca dengan menjadikannya bahan p&p. Latih murid agar sentiasa peka dan prihatin terhadap kesalahan bahasa yang didengar, dilihat dan dibaca. Bincangkan hal ini di dalam kelas dan sekiranya perlu bimbing murid menulis surat rasmi aduan kepada pihak berwajib untuk diambil tindakan. Bimbing murid menggunakan bahasa Melayu dan panggilan hormat dengan betul dan berbudi bahasa mengikut situasi. Kongsikan budaya masyarakat berbilang kaum dengan mencari kesamaan dan kelainan dalam cara hidup serta bahasa mereka. Jadikan budaya masyarakat majmuk sebagai aktiviti dengan menggalakkan program seperti lawatan, berziarah dan ramah mesra antara keluarga. Sentiasa ingatkan murid bahawa masyarakat Malaysia sentiasa mengekalkan kesopanan dan saling hormat antara satu sama lain dan dengan menggunakan satu bahasa, kita akan lebih memahami antara satu sama lain.

Kesimpulan

Tiga tahap perkembangan remaja iaitu perkembangan fizikal, perkembangan kognitif, dan perkembangan keperibadian dan sosial telah mempengaruhi remaja untuk bertingkah laku. Perkembangan remaja inilah yang menjadi cabaran kepada guru semasa menjalankan proses p&p di dalam kelas. Antaranya seperti tingkah laku *hyperactive* dan gejala sosial yang negatif. Guru sebagai agen perubahan mestilah peka dengan setiap tahap perkembangan untuk membantu remaja melaluinya dengan menjalankan pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran mengikut keupayaan murid. Sikap remaja seperti sentiasa ingin tahu dan cuba menarik perhatian boleh dimanipulasi sebaik mungkin untuk membantu murid belajar bahasa dengan baik. Kesimpulannya, banyak faktor yang perlu diambil kira untuk menarik minat remaja meminati

dan menguasai kemahiran berbahasa Melayu, khususnya melalui proses p&p yang menyeronokkan, aktiviti *hands-on* serta penglibatan murid secara kontekstual.

RUJUKAN

Buku Penerangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. (1992) Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). (2000) Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu (KBSM). (2000). Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Nota Kaedah: www.educ.upm.edu.my/~fadzilah/nota

<http://rumahbelajarpsikologi.com/index.php/remaja.html>

LAMPIRAN 1
KERANGKA ORGANISASI KURIKULUM BAHASA MELAYU
KBSM

